



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2248 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 6051 (KP)  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

Oleh;

**DATO' DR. ABD. AZIZ B. JAMALUDDIN**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**

**19 Julai 2010**

### PENGIMPORAN DAGING KERBAU DARI INDIA

1. Tahap sara diri bagi daging lembu di Malaysia ketika ini adalah sebanyak 27%. Pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran dan tahap sara diri 40% menjelang 2015. Bagi menampung keperluan negara, Malaysia perlu mengimport daging dari luar negara seperti India (80,000 tan metrik atau 80% daging kerbau) dan selebihnya diperolehi daripada Australia, New Zealand, Uruguay, Argentina dan Brazil. Sebahagian kecil daging import ini diproses menjadi produk tambah nilai dan dieksport semula.
2. Pengimportan daging kerbau dari India telah lama dijalankan semenjak awal 80-an lagi. Sehingga kini, semua proses pengimportan termasuk pengeluaran dokumen seperti Sijil Kesihatan Veterinar, Sijil Halal dan label pembungkus daging yang dikeluarkan oleh pihak di India jelas menyatakan daging yang diimport adalah daging kerbau. Perkataan *Buffalo Meat* digunakan dan bukannya *Indian Beef* memandangkan ia merupakan isu sensitif di India. Di samping itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang mengeluarkan permit import jelas mencatatkan perkataan daging kerbau dalam permit yang dikeluarkannya. Lanjutan daripada itu, pemeriksaan bagi tujuan verifikasi juga dijalankan dipintu-pintu masuk negara yang kini dipertanggungjawabkan kepada MAQIS. Isu yang sama ini juga pernah banyak kali dibangkit dan dijelaskan oleh Menteri Pertanian di dalam Dewan Rakyat bagi menjawab pertanyaan dari beberapa Ahli Parlimen.
3. Malaysia membenarkan pengimportan daging dari India dengan mengambil kira beberapa kaedah-kaedah pencegahan penyakit tersebut dari merebak ke dalam

negara. Malaysia kini masih tidak bebas daripada Penyakit Kuku dan Mulut (PKM) / *Foot and Mouth disease* (FMD) dan berusaha untuk mencapai status bebas penyakit PKM / FMD menjelang 2015. Indonesia tidak membenarkan pengimportan daging kerbau dari India untuk mengekalkan status bebas PKM / FMD iaitu sejenis penyakit ternakan yang mudah menular di kalangan ternakan yang berkuku seperti lembu, kambing, unta dan sebagainya.

4. Sebelum pengimportan dibenarkan, pegawai-pegawai dari JPV, JAKIM dan Kementerian Kesihatan akan menjalankan pemeriksaan ke atas loji-loji yang memohon untuk eksport ke Malaysia. Hanya loji yang mematuhi syarat-syarat Sanitari dan Pitosanitari (SPS) dan Halal sahaja yang diluluskan. Ini memberi jaminan pengimportan daging kerbau ini tidak akan berlaku sebarang risiko penularan penyakit ke Malaysia dan selamat untuk dimakan.
5. Terdapat perbezaan antara daging lembu dan kerbau dari aspek teksturnya terutama sekali apabila ternakan semakin tua. Walaubagaimanapun, kualitinya juga bergantung pada pelbagai faktor lain dan bukan hanya disebabkan penggunaan ternakan tersebut untuk membajak dan sebagainya sahaja. Antara faktor tersebut adalah umur sembelihan dan pemakanan.
6. Sebanyak 60 buah syarikat pengimport telah dibenarkan mengimport daging dari luar negara. Walaubagaimanapun, hanya 20 pengimport sahaja yang aktif mengimport daging memandangkan bidang ini melibatkan pengendalian bahan mudah rosak atau *perishable goods* yang memerlukan penyediaan logistik yang sesuai dan mencukupi. Kos untuk membangun dan menyelenggarakannya adalah tinggi dan hanya segelintir sahaja syarikat-syarikat Bumiputera seperti Ramly Food Sdn Bhd. yang masih aktif. Melalui aktiviti-aktiviti bersama dengan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) serta beberapa pendekatan lain, diharap akan dapat meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam bidang ini.
7. Kerajaan kini giat melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan pengeluaran daging untuk memenuhi keperluan tempatan. Sementara itu, negara masih perlu mengimport daging daripada luar negara. Walaubagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama JPV akan memastikan daging yang diimport ini selamat untuk dimakan.